



Latihan Berbentuk Peperiksaan

A. Kenal pasti kesalahan tata bahasa dalam ayat di bawah.

1. Usaha membanteras kemasukan pendatang asing dari Indonesia dilakukan dari semasa
ke masa. Tiada kesalahan.
A B C D
2. Kain batik yang dibeli ibu dari luar negara itu diperbuat daripada sutera yang berkualiti
tinggi. Tiada kesalahan.
A B C D
3. Budak itu berjalan ke arah ayahnya yang duduk di tepi pantai untuk bertanya tentang
aktiviti mereka sepanjang hari di sana. Tiada kesalahan.
A B C D
4. Cikgu Razman meminta kami datang biliknya untuk mengambil markah peperiksaan yang
diadakan pada minggu lepas. Tiada kesalahan.
A B C D
5. Masalah terhadap kebimbangan akibat kenaikan harga barang menyebabkan rakyat perlu
berjimat cermat. Tiada kesalahan.
A B C D
6. Akibat hujan turun dengan lebat, acara sukan tahunan terpaksa ditangguhkan seketika
sehingga hujan reda. Tiada kesalahan.
A B C D
7. Rantau Abang di Terengganu amat terkenal oleh penyunya sehingga menggamit pelancong
asing ke sana. Tiada kesalahan.
A B C D
8. Demi untuk menyelamatkan nyawanya, dia sanggup membelanjakan ribuan ringgit untuk
mengubati penyakitnya. Tiada kesalahan.
A B C D
9. Budak yang duduk di antara Adam dengan Asraf itu menjadi johan dalam pertandingan
lukisan sebentar tadi. Tiada kesalahan.
A B C D
10. Dengan tegasnya dia menyatakan bahawa perkara yang diperbesarkan itu merupakan
fitnah terhadap dirinya. Tiada kesalahan.
A B C D